

# 'Kita ada bukti orang sabotaj air'

Kerajaan negeri ambil tindakan tegas kes pencemaran sungai di Semenyih

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

**KUALALANGAT** - Kerajaan Negeri Selangor mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan terdapat kecenderungan unsur sabotaj oleh BN dan Umno berhubung isu pencemaran air di Semenyih, untuk memperlihatkan seolah-olah kerajaan negeri lemah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kejadian pencemaran air sungai di negeri ini dilihat seperti bersiri di kala tempoh pilihan raya semakin hampir.

Menurutnya, bagi kes pencemaran air di Semenyih, kerajaan negeri sudah memperolehi bukti-bukti kukuh dan



MOHAMED AZMIN

percaya Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Peguam Negara telah menyiapkan kes tersebut.

Di peringkat negeri memang kita sudah kenakan tindakan. Jadi biar rakyat yang hukuman sebab kita sudah beri

komitmen. Malah pasukan pemantauan dianggotai pelbagai agensi termasuk Luas (Lembaga Urus Air Selangor) dan Air Selangor beroperasi 24 jam sekarang ini.

"Maknanya kita serius dan saya serah kepada rakyat untuk buat penilaian. Namun kita tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan ke atas pelaku-pelaku yang membuat pencemaran sungai sekiranya bukti-bukti dapat disediakan," tegasnya.

Katanya, kejadian pencemaran sungai dilihat sangat sistematik, namun jabatan persekutuan dilihat agak perlahan dalam menjalankan peranan mereka sedangkan bukti berkenaan sepatutnya diperoleh

dengan cepat dan proses pengambilan sampel tidak boleh dilengahkan.

"Perkara ini tidak perlu berlaku dan saya mengesakan kerjasama erat antara jabatan serta agensi persekutuan dengan kerajaan negeri daripada segi penguatkuasaan, juga pemantauan di lembangan sungai bagi memastikan kejadian pencemaran tidak berulang.

"Kita mesti ada kerjasama kuat dan padu kerana pelbagai jabatan ada, termasuk JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dan JAS bagi menjamin keselamatan alam sekitar," katanya.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil ke atas BN dan Umno, beliau sekali lagi ber-

kata, biar rakyat menghukum serta menilai dan kerajaan negeri tetap bertindak tegas terhadap pelaku mengikut undang-undang semasa.

Beliau memberi contoh kes pencemaran sungai di Semenyih yang mana kerajaan negeri telah membuat tindakan rampas tanah dengan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik dan semua mesin serta peralatan di kilang terbabit disita oleh Majlis Perbandaran Kajang.

"Arahan juga telah dikeluarkan kepada semua pegawai daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) agar tidak melengahkan tindakan terhadap industri haram di lembangan sungai seluruh

negeri.

"Mana-mana kilang haram yang sedang beroperasi akan berdepan tindakan tegas termasuk tanah dirampas, premis disita dan tindakan undang-undang selepas mendapat laporan penuh daripada JAS," katanya.

Tambahnya, terdapat dua peringkat tindakan di bawah kuasa kerajaan negeri dan tindakan undang-undang dengan kerjasama JAS serta Jabatan Peguam Negara untuk membawa kes ke mahkamah.

Tegasnya, kerajaan negeri tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan keselamatan pengguna ari di negeri ini.

## Tak sanggup berdepan masalah air

**SEMEYIH** - "Letihlah kalau tiap-tiap bulan macam ni, Loji Rawatan Air asyik ditutup sebab pencemaran, aktiviti harian masyarakat boleh terjejas," luah penduduk Semenyih, Hamdan Abu.

Menurutnya, melihat apa yang berlaku seolah-olah kerajaan Selangor tidak tahu untuk mengurus bekalan air sehingga kejadian yang sama asyik berulang.

"Kita tidak mahu cakap politik, kita hanya rakyat biasa, sepatutnya Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali perlu panggil ketua-ketua kampung, pemimpin komuniti dalam sesi dialog berhubung isu ini," katanya.

Hamdan merangkap Setiausaha Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) berkata, Mohamed Azmin juga pernah mengeluarkan kenyataan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) memantau sungai di Semenyih.

"Perkara sebegini tidak seharusnya berlaku kalau ada pemantauan yang kerap. Kerajaan Selangor seharusnya menubuhkan jawatankuasa audit operasi.

"Penubuhan itu penting bagi melihat di mana prosedur operasi standard (SOP) yang tidak dipatuhi, di mana keagalannya atau

agensi mana tidak buat kerja," katanya.

Hamdan berkata, difahamkan Sungai Semenyih ini sepanjang 37 kilometer, dari Semenyih sampai ke Sepang.

"Penduduk mempersoalkan bagaimana Luas memantau sungai tersebut, adakah wujud stesen pemantau atau ditempatkan anggota di lokasi tertentu?," katanya.

Beliau berkata, penduduk di kawasan itu kerap berhadapan dengan gangguan bekalan air pada tahun ini.

"Gangguan bekalan air pada tahun ini pernah berlaku di sekitar Semenyih pada Februari, Mei, September dan semalam.

"Penutupan loji rawatan air itu adalah kali kelima sejak September," katanya.

Seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, loji rawatan air itu ditutup sejak jam 7 pagi tetapi notis rasmi sampai kepada penduduk kira-kira jam 2.30 petang.

"Sehingga kini tidak ada maklumat daripada pihak berkenaan, berapa lama bekalan air ini tidak ada, penduduk juga mahu pihak berkenaan memaklumkan jadual lori tangki air masuk ke taman-taman, adakah pihak tersebut tidak belajar daripada pengalaman yang lalu," katanya.



Ahli GPS turut membantu menghantar air kepada keluarga yang uzur.

## 'Jangan main tuduh saja'

**SHAH ALAM** - Menteri Besar Selangor dicabar untuk membuat kenyataan terbuka jika benar masalah pencemaran air di Selangor berpunca daripada perbuatan sabotaj seperti didakwa.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata, kenyataan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali seakan-akan mahu lari daripada masalah sebenar.

"Kalau benar-benar ingin menuduh kononnya BN yang sabotaj, saya mohon agar beliau buat kenyataan terbuka dengan menyatakan siapa, di mana dan kaedah digunakan.

"Kenyataan beliau seakan-akan nak lari daripada masalah sebenar kerana isu air ni berbangkit kepada soal pengurusan dan penguatkuasaan," katanya.

Katanya, Mohamed Azmin perlu bertanggungjawab terhadap tuduhan yang dibuat dan isu kebajikan rakyat tidak seharusnya dipolitikkan.

"Beliau perlu bertanggungjawab dengan apa yang dinyatakan beserta bukti. Bukan hanya dengan andai-an dan provokasi.

"Isu kebajikan rakyat tak boleh dipolitikkan kerana ia adalah tugas bagi setiap kerajaan yang dipilih rakyat tanpa mengenal ideologi politik,"



IRMOHIZAM

katanya.

Mohamed Azmin dilaporkan berkata, kerajaan negeri mempunyai bukti kukuh mengenai pencemaran air yang berlaku di Sungai Semenyih.

Menurutnya, laporan awal dan bukti yang diterima menunjukkan terdapat kecenderungan unsur sabotaj oleh Barisan Nasional dan Umno untuk melemahkan kerajaan negeri memandangkan pilihan raya sudah hampir.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Umno Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan juga meminta Mohamed Azmin mengemukakan bukti dengan segera dan bukan sekadar menuding jari.

"Buktikanlah cepat. Mana boleh simpan orang buat salah, kita pun nak tahu. Setakat ca-

kap-cakap saja tak guna dan tak selesaikan masalah.

"Asyik cakap orang ni salah, orang tu salah, tak ke mana pun. Jangan-jangan sendiri yang rancang nak cari publisiti murahan," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau turut berpendapat Mohamed Azmin kini terkejut dalam usaha menangani isu tersebut dan akhirnya terjerat.

"Ni taktik nak lepaskan diri, tambahan PRU (Pilihan Raya Umum) nak dekat. Saya rasa dia terkejut, dah tak tau nak buat apa dengan isu air ni.

"Nak minta tolong polis, beliau tak percaya polis. Nak minta tolong kerajaan pusat, semua orang dihentam dan dipersalahkan. Sendiri nak selesa tak mampu dan akhirnya terjerat," katanya.